

NO SOALAN : 3

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI
BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 11.6.2014
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan khusus oleh pihak Kementerian bersama Kerajaan Filipina bagi membantu membanteras penganas dari Perairan Filipina yang telah lolos ke Perairan Sabah. Ini berikutan daripada beberapa insiden yang berlaku sejak kebelakangan ini yang melibatkan kes ancaman keselamatan di Perairan Sabah yang didalangi penganas dan militan dari Filipina. Selain inisiatif Kerajaan melalui ESSCOM dan ESSZONE adakah Kerajaan ada membuat perbincangan bersama Kerajaan Filipina sendiri bagi menangani masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama pertahanan di antara Malaysia dan Filipina bermula secara rasmi dengan termetrainya MoU Defence Cooperation pada tahun 1994. MoU ini menggariskan jenis dan batas kerjasama yang boleh dilaksanakan antara kedua-dua negara seperti latihan, eksesais ketenteraan, kerjasama industri pertahanan, pertukaran pegawai dan lain-lain yang berhubung kait dengan isu keselamatan dan pertahanan.

Dalam aspek kerjasama keselamatan, Malaysia telah terlibat secara aktif dalam usaha perjanjian damai di antara pihak Moro Islamic Liberation Front (MILF) dan Kerajaan Filipina.

Hasil usaha ini juga telah melancarkan proses damai yang telah membawa hasil apabila termerterainya perjanjian damai antara MILF dan Kerajaan Filipina pada 27 March 2014, Pemeteraian Comprehensive Agreement on

Bangsamoro (CAB) ini turut disaksikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak di Istana Malacanang, Manila.

Selain daripada itu, Kementerian Pertahanan juga dipertanggungjawabkan sebagai peneraju tim pemantauan antarabangsa (IMT) bagi tujuan gencatan senjata di antara MILF-GPH yang berpusat di Cotabato City, Mindanao. Sehingga kini sebanyak 9 siri IMT telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam pada itu terdapat juga kumpulan-kumpulan yang tidak berpuashati dan melancarkan pencerobohan ke Pantai Timur Sabah (Lahad Datu).

Dalam usaha menjamin keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara, kerajaan telah menukuhkan ESSCOM dan ESSZONE.

Di bawah ESSCOM, tanggungjawab ATM adalah untuk mempertahankan sebarang bentuk ancaman dan pencerobohan melalui **SUPERIORITY IN SURVEILLANCE, IDENTIFICATION** dan **INTERCEPTION** (dengan izin) dalam 3 lapisan pengoperasian:

- a) Lapisan 1: Melaksanakan Pengawasan Maritim dari Udara dan Laut.
- b) Lapisan 2: Mengenalpasti dan memintas di laut.
- c) Lapisan 3: Melaksanakan operasi daratan.

Pada masa kini operasi ATM di kawasan **ESSZONE** adalah seperti OP PASIR - dilaksanakan oleh ATM, OP DAULAT - dilaksanakan secara kerjasama ATM dan PDRM, OP SERKAP - dilaksanakan oleh ATM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan OP SANGGAH - dilaksanakan oleh ATM.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada inisiatif kerajaan melalui ESSCOM dan ESSZONE, Kementerian Pertahanan telah mewujudkan jalinan kerjasama erat di antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan *Armed Forces of the Philippines* (AFP).

Antara kerjasama yang dijalankan ialah :

1. Mewujudkan Mekanisme Pertukaran Maklumat Perisikan (*Intelligence Exchange*) .

Dibawah mekanisma ini satu platform pertukaran maklumat di ketuai oleh ketua perisikan angkatan tentera kedua-dua negara. Sehingga kini sebanyak 23 perjumpaan telah diadakan dan bagi tahun ini perjumpaan akan diadakan di Manila pada suku terakhir tahun ini.

2. Mewujudkan Mekanisme Pertukaran Maklumat Keselamatan Antara Penganalisis (Analyst to Analyst Exchange).

Mekanisma ini ialah pertukaran dan perbincangan maklumat perisikan secara aktif diperingkat Penganalisis Kanan (Senior Analyst). Sehingga kini sebanyak 3 perjumpaan telah diadakan. Bagi tahun ini perjumpaan telah adakan pada bulan April yang lalu di Kuala Lumpur .

3. Mengadakan Latihan Bersama MALAYSIA/FILIPINA

Pada setiap tahun latihan telah dilaksanakan secara giliran diantara tentera Malaysia dengan Tentera Filipina dibawah kerjasama dua hala angkatan tentera.

Latihan ini bagi memperkuatkan hubungan dan meningkatkan tahap inter operasi ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera (darat, laut dan udara) kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang dinyatakan juga oleh YB Dato' Seri Dr.Shahidan Kassim, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri pada 9 Jun 2014 semasa menjawab soalan di Dewan yang mulia ini . Perancangan terkini operasi ATM di Pantai Timur Sabah adalah untuk menggunakan plantar minyak yang terpakai sebagai "sea basing" bagi mobility ATM.

Konsep ini mempunyai kemampuan dari segi kemudahan domestik yang kondusif, bantuan logistik yang mencukupi, memiliki kemampuan pengawasan yang berkesan serta berupaya melaksanakan tugas kawalan dan pemerintahan yang efisien dan efektif di laut.

Konsep ini dilaksanakan dengan kerjasama Petronas.

Sekian terima kasih.